


KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN BIL. 1/2017

PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 13 KANUN TANAH NEGARA 1965

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan melalui persidangan kali ke 25/2015 bertarikh 9 Disember 2016 dalam menimbang Kertas Bilangan 25/2015/D12(133) telah bersetuju mewakilkan kuasa kepada Pengarah Tanah dan Galian untuk memberi kelulusan di bawah seksyen 107 Kanun Tanah Negara 1965 bagi membenarkan apa-apa tempoh tambahan untuk pelanjutan masa untuk mematuhi syarat-syarat tempoh tetap bersifat positif.

2. Bagi maksud perwakilan kuasa ini, Pengarah Tanah dan Galian boleh membenarkan apa-apa tempoh tambahan untuk pelanjutan masa untuk mematuhi syarat-syarat tempoh tetap bersifat positif untuk mana-mana projek pembangunan berskala besar yang tempoh siap projek tersebut melebihi dua tahun.
3. Kertas Kerja hendaklah disediakan seperti biasa untuk diangkat kepada Pengarah Tanah dan Galian untuk kelulusan dengan menyatakan perwakilan kuasa kepada Pengarah Tanah dan Galian Kn. P.U.22 bertarikh 13 Oktober 2016 di bahagian keputusan kertas kerja berkenaan.
4. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Bilangan 3/2016 dan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri tersebut.
5. Pekeliling ini berkuatkuasa serta-merta.


.....
DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD D.P.S.K. (Kelantan)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN.

KEPADA:

Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah dan Jajahan Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

- 1) YAB. Ustaz Dato' Menteri Besar Negeri Kelantan
- 2) YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
- 3) YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
- 4) YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
- 5) YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
- 6) YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
- 7) YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN**

BLOK 3, KOTA DARULNAIM

15576 KOTA BHARU, KELANTAN.

BERTARIKH : 1 JANUARI 2016

NO FAIL : PTG.PKP. 1/3/3